

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 10 February 1968 > Page 7 > Tiada berjudul

Tiada berjudul

Berita Harian, 10 February 1968, Page 7

Article also available on Microfilm Reel NL5385

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

Badan drama KL rebut oskar dan pingat2 LTK

RUANGAN ANEKA HIBORAN 'DAERAH SIAL' MENANG PERADUAN

**Oleh
SUHAIRI**

PESTA—Penchinta Seni Tanah Ayer Kuala Lumpur — telah memperlihatkan kehandalannya dalam pementasan derama bila ia telah berjaya menggondol tiga buah Oskar LTK dan 9 buah pingat emas-nya.

Kehandalannya itu telah di-perlihatkan oleh-nya melalui Peraduan Derama yang telah di-sisipkan dalam Pesta Budaya LTK 1968 yang telah berlangsung di-Singapura sejak 27 Januari — 3 Februari.

Pesta yang telah mengemukakan derama sa-bak-nya 'Daerah Sial' telah berjaya mengalahkan lima buah kumpulan lain di-Singapura dalam Pesta tersebut.

Dalam peraduan2 dera-

Information

Newspaper:
Berita HarianDate:
10 February 1968Reel Number:
NL5385

Share

Table of Contents

< Previous

Page 7

Next >

Tiada berjudul

Badan drama KL rebut «t J; w oskar dan pingat2 LTK
RUANGAN ANEHA HISORAN 'DAERAH SIAL'

25 gadis daftar nama utk 'Ratu Kebaya'

25 gadis daftar nama utk 'Ratu Kebaya' gA-KAMAN 25 orang gadis manis telah telah pun mendattarkan nama

Perubahan di-Merdeka Studio sa-telah pengarah2 Singapura datang

Perubahan di-Merdeka Studio sa-telah pengarah2 Singapura datang 'TAHIN' ini merupakan tuam

[View Full Table of Contents](#)

ma masa lalu yang di-
anjurkan oleh Sriwana,
Pesta hanya berjaya me-
rebut satu oskar sahaja:
pelakon pembantu terbaik.

Derama itu telah pula
menarek hati Inche Zain
Mahmud, penerbit kanan
TV Singapura, untuk me-
nayangkan-nya di-layar
TV Singapura.

3 Bahagian

Daerah Sial telah berjaya
dalam tiga bahagian
dalam peraduan derama
itu: Persembahan
terbaik, cerita terbaik
dan pelakon utama wanita
terbaik.

Ke-empat2 orang pelakon
Daerah Sial—Zaiton
Manan, M. Kassim Oth-
man, Ali Ahmad dan Fati-
mah M. Noor—telah mem-
perlihatkan kesungguhan-
nya dalam lakonan me-
reka sa-hingga ia berjaya
bagitu besar.

Kejayaan Pesta itu me-
rupakan satu dorongan
kapada badan2 lain di-
Singapura untuk menyertai
peraduan2 sa-perti itu pa-
da masa depan.

Kumpulan yang menda-
pat pilihan ka-dua dalam
Peraduan itu ia-lah Teras
67. Teras hanya berjaya
untuk merebut oskar da-
lam bahagian2 Dekor, Tek-
nik dan pel. kon utama
lelaki.

Ketewasan Teras 67 kali
ini dari tangan Pesta KL
ia-lah di-sebabkan ke-
kechuaian-nya mengadakan
latehan. Ini di-nyatakan
oleh pihak 'Teras' itu sen-
diri.

Pemenang2 oskar yang
berjaya dalam pera-
duan itu ia-lah S.
Hashim dari Kompas
5 dengan derama-nya 'Bo-
gel' sa-bagai pelakon pem-
bantu lelaki yang terbaik,
Zaiton A. Wahab (dari
Bella Everton Park) de-
ngan derama-nya 'Ke-
hanchoran' sa-bagai pel-
akon pembantu...
terbaik Persatuan Bella ini
juga telah berjaya kerana
arahan-nya yang bagitu
'simple' dan mudah.

Menyertai

Turut menyertai pera-
duan derama itu ia-lah:
'Tunas 66' dengan dera-
ma-nya 'Simpang Tiga
Simpang Gila', PASAK de-
ngan derama-nya 'Anak
Jabang!'

Keputusan yang telah
di-kuat oleh p ra penga-

di-nya — kanman B.
Nongtjik Ghani, Mustaffa
Yassin dan M. Amin—saya
kira telah memuaskan hati
seluruh peserta2 tadi.

Related Articles



No related article found.

